

# **PERUBAHAN SOSIAL SEMASA WABAK COVID-19 DARI PERSPEKTIF URUF**

**(Social Changes During Covid-19 Outbreak from  
The Perspective of Uruf)**

**Muhammad Safwan Harun<sup>1</sup>, Khairul Azhar Meerangani<sup>2</sup>,  
Abdul Halim Ibrahim<sup>1</sup>, Mohd Shauqi Saiful Suhardi<sup>3</sup>**

<sup>1,3</sup>Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Malaysia

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Malaysia

<sup>4</sup>Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa  
Kolej Universiti Islam Melaka, Malaysia

E-mel: safone\_15@um.edu.my

**Article History:** Received 10 September 2021; Revised 15 October 2021;  
Accepted 21 December 2021

## **ABSTRAK**

Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan yang amat dahsyat kepada negara Malaysia. Semua sektor termasuklah ekonomi, pelancongan, servis, sukan, hiburan dan agama tertakluk kepada Standard Operation Procedure (SOP) seperti pemakaian topeng muka, penjagaan kebersihan dan penjarakan fizikal. Walaupun kepatuhan terhadap SOP ini masih mempunyai ruang untuk dipersoalkan, namun perkara yang tidak dapat dinafikan ialah ia telah merubah kehidupan sosial masyarakat di Malaysia. Ini bermaksud, rakyat Malaysia perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu bagi mencegah penularan wabak COVID-19. Mengamati keadaan ini, apakah norma baharu dalam tempoh pandemik ini menepati teori perubahan sosial. Selain itu, bagaimanakah sepatutnya penerimaan masyarakat terhadap perubahan sosial ini. Persoalan ini timbul kerana melihat perubahan yang berlaku dalam tempoh pandemik ini pada sebahagian keadaan mencetuskan mafsadah kepada kehidupan masyarakat. Justeru, kajian ini bertujuan menilai perubahan sosial dalam tempoh pandemik dari perspektif uruf dan maslahah. Melalui analisis kandungan terhadap data-data kepustakaan yang diperoleh, dapat disimpulkan bahawa perubahan sosial dalam tempoh wabak COVID-19 ini boleh dianggap sebagai uruf baharu. Ini bermaksud, secara umumnya SOP-SOP yang diperkenalkan perlu diperaktikkan bagi memastikan kemaslahatan masyarakat terus terjamin.

**Kata kunci:** Pandemik, COVID-19, uruf, maslahah, perubahan sosial

## **ABSTRACT**

COVID-19 pandemic has devastatingly affected Malaysia. All sectors including economy, tourism, services, sports, entertainment, and religious activity are subjected to Standard Operation Procedure (SOP) such as wearing face masks, hygiene and physical distancing.

*Although public compliance with this SOP still can be questioned, the undeniable thing is that it has changed the social life in Malaysia since Malaysians need to adapt to the new norms to prevent the COVID-19 spread. Observing this situation, do the new norms in this pandemic period conform to the theory of social changes. Moreover, how should society accept these social changes. These questions arise due to changes during this pandemic period that in some cases caused harm to the community's lives. Thus, this study aims to assess social change during a pandemic period from the perspective of uruf and maslahah. Through content analysis of the literature data obtained, it can be concluded that the social changes during the COVID-19 epidemic can be considered as a new uruf. Thus, in general, the outlined SOPs need to be practiced to preserve and reassure the continuity of public interest.*

**Keywords:** Pandemic, COVID-19, uruf, maslahah, social changes

## **1.0 PENDAHULUAN**

Satu fakta yang tidak dapat dinafikan ialah situasi COVID-19 yang melanda Malaysia bukan sekadar mendorong masyarakat untuk menjalani kehidupan dengan suasana baharu, malah mencetuskan perubahan sosial secara tidak langsung dalam kehidupan masyarakat dari pelbagai aspek khususnya agama, hubungan sosial, ekonomi dan pendidikan. Dari segi konsep, perubahan sosial merupakan satu transformasi melibatkan perubahan perlakuan manusia secara kolektif hasil reaksi terhadap faktor-faktor seperti teknologi, institusi sosial, populasi dan persekitaran (Lumen, 2021). Sementara menurut Form W., dan Wilterdink N., (2021), perubahan sosial berlaku disebabkan oleh interaksi antara masyarakat, perubahan ekosistem, perubahan teknologi, pertumbuhan populasi, perubahan ideologi, perubahan ekonomi dan pergerakan politik. Faktor yang sama turut dikemukakan oleh Huberty E. S., (2021) yang menegaskan bahawa perubahan sosial melibatkan sesuatu masyarakat pasti berlaku samada disebabkan oleh konflik, perubahan demografi mahupun perubahan budaya. Justeru, dapat disimpulkan bahawa COVID-19 yang melanda negara telah mengubah landskap persekitaran kehidupan dan corak interaksi antara masyarakat. Natijahnya, masyarakat mengalami perubahan sosial kerana pematuhan SOP dalam aspek hubungan sosial, pendidikan sewaktu wabak, perjalanan ekonomi dan seumpamanya yang perlu ditangani dengan baik.

Walaupun hakikat ini tidak dapat dinafikan, perubahan sosial perlu dipastikan berlaku dalam suasana mewujudkan kemaslahatan kepada kehidupan manusia. Bagi tujuan tersebut, penilaian khusus terhadap perubahan sosial dari perspektif *uruf* dan *maslahah* perlu dibincangkan. Hal ini bertujuan

menilai kedudukan sebenar perubahan sosial atau sinonim dengan norma baharu dari perspektif syariat Islam. Kehidupan dalam tempoh pandemik seringkali dipertikaikan dengan dakwaan melahirkan *masyaqqah* (kesulitan) kepada kehidupan masyarakat hingga mendorong pihak-pihak tertentu untuk tidak mengamalkan sebahagian SOP yang diperkenalkan dalam realiti semasa. Dengan kajian yang dijalankan ini, kemaslahatan perubahan sosial dalam tempoh wabak ini dapat ditentukan dengan lebih jelas.

## **2.0 SOROTAN KAJIAN**

### **2.1 Korelasi Perubahan Sosial dengan Norma Baharu**


COVID-19 merupakan satu wabak yang memberi kesan yang besar dalam kehidupan tamadun manusia di abad ini. Ini bermakna, kemunculan COVID-19 dalam realiti dunia hari ini telah menimbulkan perubahan yang drastik terhadap corak kehidupan manusia. Perubahan tersebut secara asasnya dinamakan sebagai perubahan sosial. Sebelum memperincikan bentuk-bentuk perubahan sosial yang berlaku akibat COVID-19, pengertian hakiki tentang perubahan sosial perlu didekahkan terlebih dahulu. Secara teorinya, masyarakat pasti akan mengalami perubahan samada dalam skala kecil seperti perubahan pola berfikir mahupun perubahan besar melibatkan struktur masyarakat yang bakal memberi kesan langsung kepada kehidupan mendatang (Nanang Martono, t.t). Menurut Mohamad Kamil dan Rahimin Affandi (2009), terdapat tujuh teori perubahan yang mendokong perubahan sosial iaitu:

- i. Masyarakat manusia merupakan organisme yang hidup serta berpotensi untuk berubah dan membangun
- ii. Teori jatuh bangun sesebuah tamadun manusia yang berkait dengan usia ketamadunan tersebut
- iii. Teori perpaduan dalam kalangan masyarakat yang menjurus kepada pembangunan tamadun
- iv. Pembangunan tamadun hasil kekuatan fizikal dan spiritual
- v. Teori jiwa masyarakat yang dijajah di mana menganggap penjajah sebagai lebih baik
- vi. Menekankan pembelajaran sejarah untuk diambil pengajaran dan membangunkan masa depan
- vii. Kepentingan pembelajaran ilmu penyelidikan sosiologi untuk menyelesaikan masalah umat Islam

Berdasarkan tujuh teori yang disebutkan, jelaslah bahawa perubahan sosial merupakan satu perubahan dalam organisasi sosial suatu kumpulan atau masyarakat akibat pengembangan norma-norma baru, pengubahsuaian peranan, dan pengenalan dalam penggunaan teknik produksi baru (Akujobi C.T. & Jackson T.C., 2017). Walaupun mungkin pada peringkat permulaan perubahan tersebut dilihat abnormal, namun lama-kelamaan menjadi kebiasaan akibat penerimaan masyarakat terhadap perubahan sekeliling mereka (Jeremy G. & Nezih G., 2008). Malah, sifat perubahan sosial yang pelbagai seperti tidak dapat dielak (*inevitable*), berlaku di mana-mana (*ubiquitous*), meliputi pelbagai peringkat (*multi-leveled*), mudah tersebar seperti penyakit berjangkit (*contagious*), mempunyai kadar berbeza (*rate*) dan boleh diukur dan dikesan (*detectable and measurable*) membantu proses perubahan yang berlaku (Akujobi, C.T & Jackson T.C., 2017). Justeru, amalan dan kebiasaan yang lahir akibat COVID-19 bagi mencegah penularan penyakit berjangkit serta mengekalkan tahap kesihatan setiap individu dalam masyarakat sudah tentu mencetuskan perubahan sosial yang tidak dapat dinafikan lagi.

Secara asasnya terdapat tiga faktor umum yang menggerakkan sesuatu perubahan sosial iaitu ekonomi, politik dan budaya (Diana L., 2005). Malah, perubahan sosial boleh dibentuk juga daripada punca dalaman dan luaran sesebuah masyarakat. Dalam hal ini, Juliana L. (2015) menegaskan bahawa perubahan sosial yang berpunca daripada sesebuah masyarakat itu sendiri adalah seperti pertambahan atau pengurangan penduduk, penemuan-penemuan baharu, pertentangan dalam masyarakat dan pemberontakan masyarakat. Sementara, perubahan sosial disebabkan faktor luaran adalah interaksi manusia dengan keadaan sekelilingnya serta tercetusnya perangsaan antara negara. Dari aspek ekonomi, negara China sebagai contohnya telah mencatatkan penurunan kadar miskin daripada 250 juta pada tahun 1978 menjadi 14.79 juta pada tahun 2007 apabila negara ini mula membuat pembaharuan ekonomi (Karina W. & Bonnie L. B., 2009). Maka dapat dirumuskan bahawa perubahan sosial berlaku akibat pelbagai faktor dalaman maupun luaran sesebuah masyarakat. Lantaran itu, situasi COVID-19 yang melanda dunia umumnya pasti mencetuskan perubahan daripada pelbagai sudut samada ekonomi, corak pentadbiran politik dan budaya hidup kerana manusia terpaksa hidup dalam persekitaran wabak penyakit berjangkit. Perubahan-perubahan ini walaubagaimanapun lebih sinonim dengan istilah norma baharu yang merujuk kepada cara hidup baru dalam menjalankan aktiviti harian sewaktu pandemic COVID-19 (Andrian H., 2020).

Mengamati teori perubahan sosial tersebut, dari segi istilahnya yakni perubahan sosial dan norma baharu seolah-olah berbeza, namun secara tersiratnya dua istilah ini mempunyai hubungan yang rapat. Jika diperhatikan, perubahan sosial merupakan konsep yang lebih besar dan didorong oleh banyak faktor seperti ekonomi, budaya dan politik. Sedangkan istilah norma baharu dipopularkan setelah tularnya wabak COVID-19. Bermaksud, norma baharu juga merujuk kepada perubahan corak hidup seperti amalan penjarakan sosial, penjagaan kesihatan, pemakaian pelitup muka, dan menjauhi tempat sesak bagi mencegah penularan wabak (Majlis Keselamatan Negara, 2020). Dalam erti kata lain, norma baharu diterapkan sebagai corak kehidupan semasa wabak COVID-19 bagi mengelak sebarang jangkitan (Putu Agung, 2020). Praktikal norma baharu bagi tujuan pencegahan COVID-19 ini juga akhirnya memberi kesan kepada corak perjalanan kehidupan yang disebut perubahan sosial dari aspek ekonomi, pendidikan, agama, budaya, hubungan sosial dan sebagainya di mana sebahagian daripadanya terdapat dalam teori perubahan sosial yang dibincangkan. Justeru, apapun ibarat yang digunakan, hubungan antara kedua-dua istilah ini tidak dapat dinafikan di mana pengamalan norma baharu semasa COVID-19 mencetuskan perubahan sosial kepada kehidupan masyarakat selepas ini.



**Rajah 1:** Hubungan antara norma baharu dan perubahan sosial

Menariknya, perubahan sosial disebabkan COVID-19 ini telah direkodkan berlaku dalam pelbagai aspek. Dalam hal ini, Haleem A., et al., (2020) menyebutkan bahawa COVID-19 telah memberi kesan langsung kepada kehidupan masyarakat dan pertumbuhan ekonomi global dalam sektor farmaseutikal, tenaga solar, pelancongan, informasi dan elektronik. Bermaksud, secara makronya COVID-19 telah membawa perubahan daripada tiga aspek utama iaitu kesihatan, ekonomi dan sosial. Asasnya, terdapat lima agen yang menggerakkan perubahan sosial iaitu ekonomi, kerajaan, agama, pelajaran dan media sosial (Akujobi, C.T & Jackson T.C., 2017). Meneliti perubahan sosial disebabkan wabak COVID-19, perubahan yang tercetus tersebut adalah hasil pelaksanaan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kerajaan dibantu oleh penyebaran maklumat dalam media sosial bagi mewujudkan penerimaan ramai pihak. Walau apapun faktor kelahirannya, kehidupan dalam suasana ini mestilah meraikan ketetapan yang tersedia bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

### **3.0 METODOLOGI**

Kajian kualitatif yang dijalankan ini menggunakan pendekatan induktif, deduktif dan komparatif. Data-data yang dikumpulkan adalah melalui sorotan kajian perpustakaan yang tertumpu kepada aspek konsep, faktor dan agen perubahan sosial, bentuk-bentuk norma baharu semasa pandemic COVID-19 di Malaysia serta konsep *uruf* dan *maslahah* dalam perbincangan ilmu usul fiqh untuk menilai perubahan sosial yang berlaku.

### **4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 Kedudukan Perubahan Sosial Menurut *Uruf* dan *Maslahah***

Norma baharu di Malaysia telah diterapkan oleh kerajaan dengan memperkenalkan CAPP iaitu C= Cegah COVID-19 dengan mendidik keluarga serta komuniti dengan norma baharu kehidupan, A= Amalkan tingkah laku bagi mengelakkan diri, keluarga dan komuniti daripada jangkitan COVID-19, P= Patuhi SOP pengoperasian sektor-sektor utama dan arahan kerajaan, P= Pantau status kesihatan diri dan keluarga serta dapatkan rawatan segera jika bergejala (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Hal ini bermaksud, norma baharu perlu menjadi kelaziman masyarakat di Malaysia untuk

menjalankan aktiviti harian semasa penularan wabak COVID-19 masih berleluasa. Bagi memupuk pembudayaan norma baharu, pihak kerajaan turut memperkenalkan empat langkah utama iaitu kawalan sempadan, kawalan pergerakan, penjarakan fizikal dan perlindungan diri (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

Sebagaimana telah ditegaskan bahawa istilah perubahan sosial dan norma baharu mempunyai pertalian yang rapat. Maka perubahan sosial dalam konteks Malaysia akan diteliti daripada perbincangan norma baharu. Dalam hal ini, kajian mendapati perubahan sosial yang dominan telah berlaku terhadap beberapa sektor seperti keagamaan, kesihatan, pendidikan, hubungan sosial dalam keluarga, ekonomi, keselamatan dan kebaikan.



**Rajah 2:** Sektor yang mengalami perubahan sosial

(**Sumber:** Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020: Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020; Portal Rasmi MyHEALTH, 2020: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia, 2020: eWarta MARA, 2020: Mualimin M.S et al., 2020: Nurul Naimah R. et al. 2020).


Berdasarkan Rajah 2 di atas, dapat dirumuskan bahawa telah berlaku perubahan drastik dalam kehidupan sosial masyarakat di Malaysia pada era COVID-19. Hal ini turut disokong melalui dapatan kajian misalnya Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) yang melaporkan 1/4 daripada 1175 responden menyatakan terdapatnya perubahan besar dalam kehidupan mereka disebabkan COVID-19. Walaupun perubahan sosial ini dicorakkan melalui saranan pihak kerajaan, ianya perlu dipatuhi bagi mengurangkan penularan wabak. Hal ini kerana, pengamalan norma baharu seperti mencegah 3Cs iaitu

*crowded places* (tempat sesak), *close-contact* (penjarakan sosial) dan *confined and enclosed spaces* (tempat sempit dan tertutup) (WHO, 2020) serta 3Ws iaitu pakai penutup muka (*wear*), menunggu dalam jarak enam kaki (*watch*) dan basuh tangan (*wash*) (University of IOWA Hospitals & Clinics, 2020) dianggap sebagai langkah pencegahan yang paling berkesan menangani penyebaran COVID-19 selagimana tiada vaksin khusus bagi mencegah wabak ini (Shahrizan Jamaludin et al., 2020).

Perubahan sosial yang berlaku hasil praktikal norma baharu boleh dianggap sebagai *uruf* baharu kerana memberi kesan langsung kepada kehidupan. Konsep *uruf* ialah sesuatu yang diterima dan dipraktikkan oleh manusia secara berterusan di mana ianya difahami baik oleh akal manusia yang sejahtera (Ibn 'Abidin, t.t) samada dalam bentuk perbuatan atau perkataan selagimana tidak bercanggah dengan al-Qur'an dan al-Sunnah (al-Bardisi, t.t). Jika dikaitkan dengan perubahan sosial, premis ini menjelaskan bahawa perubahan sosial semasa pandemik COVID-19 boleh dianggap sebagai *uruf* baharu yang sewajarnya dipraktikkan. Hal ini berdasarkan beberapa justifikasi antaranya ialah *uruf* diterima sebagai sumber hukum dalam kalangan majoriti ulama khususnya mazhab Maliki dan Hanafi (Amir A. A, 1997) bagi mencegah kesempitan dan kemudaratannya daripada hidup manusia (Salih A. H, t.t). Ini bermaksud, *uruf* ialah sebuah dalil berteraskan pencapaian *maslahah* dan mencegah *mafsadah* (Ahmad Fahmi A., 1947). Pemakaian *uruf* dalam menentukan hukum Islam semasa hakikatnya bertujuan meraikan *maslahah* (Mohd Anuar R. 2006). Oleh kerana itu, al-Shātibī menegaskan bahawa adat perlu diiktiraf oleh syariat bagi mewujudkan *maslahah* (al-Shatibi, 1997). Sungguhpun begitu, *maslahah* melalui dalil *uruf* perlu ditentukan dengan beberapa syarat antaranya *uruf* tersebut mestilah tidak bertentangan dengan nas syarak dari segenap penjuru (al-Bugha M.D, t.t) samada zahir nas mahupun *maqasid* yang terkandung di sebaliknya. Syarat ini secara tidak langsung memberi faham bahawa *uruf* memiliki autoriti yang luas dalam menetapkan sesuatu permasalahan yang tidak ditentukan oleh nas syarak (Abu Zahrah M., t.t).

Berdasarkan premis tersebut, jelaslah bahawa fenomena perubahan sosial di Malaysia dalam menangani COVID-19 di Malaysia boleh dianggap sebagai *uruf* baru. Implikasinya, perubahan sosial ini perlu dipraktikkan demi mewujudkan kemaslahatan kepada masyarakat umum. Sekalipun *uruf*

baharu dalam konteks perubahan sosial disebabkan COVID-19 ini adalah hasil perundangan yang diperkenalkan oleh kerajaan, namun ia menepati kaedah *tasarruf al-imam manut bi al-maslahah* ('Azzam A. 'A., 2005). Malahan juga, membudayakan norma baharu dalam realiti wabak memberi jaminan keselamatan kesihatan. Dalam erti kata lain, praktikal norma baharu yang boleh dianggap sebagai *uruf* baharu mewujudkan kemaslahatan yang dominan iaitu *maqsad al-nafs* (menjaga kesihatan diri dan nyawa) di samping elemen *maqasid al-shari'ah* lain.



Rajah 3: Hubungan antara *uruf*, perubahan sosial dan norma baharu

Berdasarkan kaedah *al-Siyasah al-Syar'iyyah*, setiap pemerintah berhak melaksana serta menguatkuasakan sesuatu peraturan dan peruntukan yang dirasakan perlu bagi mewujudkan kebaikan kepada manusia. Sekaligus, memelihara mereka daripada sebarang bentuk kerosakan dan kebinasaan (Ibn Qayyim, 1996). Menurut al-Burhani (t.t), kaedah ini menjustifikasi hak pemerintah terhadap penguatkuasaan dan pelaksanaan polisi serta peraturan yang perlu dipatuhi oleh rakyat selagimana ia berpaksikan kepada kemaslahatan awam. Ibn Nujaim (t.t.) menambah bahawa segala tindakan dan peraturan yang ditetapkan pemerintah berdasarkan pertimbangan kemaslahatannya dibenarkan syarak meskipun tanpa panduan dalil secara langsung dan terperinci terhadap polisi tersebut. Maka, sesuatu polisi dan peraturan yang dikuatkuasakan pemerintah bertujuan mengharmoni, memperbaiki, dan mengelokkan urusan dan keadaan rakyat serta menghindarkan mereka daripada sebarang kemudaratan dan kerosakan, diperakukan oleh Islam meskipun ia tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW atau berpandukan dalil syarak yang terperinci (*tafsili*) (Ibn Qayyim, t.t; Ibn 'Abidin, 1966; al-Bujayrimi, 1965). Menurut Ibn Khaldun (2014), kerangka *al-Siyasah al-Syar'iyyah* diimplementasikan dalam urusan pentadbiran dan pemerintahan menerusi dua cabang utama, iaitu *al-Siyasah al-Diniyyah* dan *al-Siyasah al-Aqliyyah*.

*Al-Siyasah al-Diniyyah* digunakan bertujuan merealisasikan kebaikan dunia dan akhirat menerusi prinsip dan aturan syariat Allah yang wajib dipatuhi secara menyeluruh berpandukan keyakinan terhadap konsep keimanan dan pembalasan (*al-jaza'*) di akhirat. *Al-Siyasah al-'Aqliyyah* pula menjustifikasi peranan akal (dengan panduan syariat) dalam menentukan kepentingan dan kemaslahatan masyarakat menerusi pelaksanaan polisi, penguatkuasaan peraturan dan kawalan pencegahan. Pematuhan terhadap kerangka ini mampu mewujudkan nilai keharmonian, kebajikan dan keadilan dalam masyarakat selaras dengan tujuan penurunan syariat itu sendiri. Sebaliknya, pengabaian terhadap kerangka ini berpotensi mencetuskan konflik, ketidakadilan dan penyelewengan dalam masyarakat memandangkan mekanisme semak dan imbang hanya berpaksikan kepentingan peribadi (pemerintah) dan habuan duniawi semata-mata. Ini bermakna, penguatkuasaan norma baharu dalam keadaan wabak COVID-19 yang sedang melanda adalah suatu tindakan pemerintah yang tepat dan sesuai dengan suasana secara umumnya.

Menariknya, majoriti rakyat Malaysia menerima perubahan sosial dengan baik. Hal ini dapat ditinjau melalui kajian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia majoriti responden sentiasa mengamalkan kawalan kendiri bagi pencegahan COVID-19 seperti memakai pelitup muka (93.3 peratus), menjaga jarak fizikal (89.6 peratus), dan mencuci tangan dengan air serta sabun atau pencuci pembasmi kuman (89.7%). Malah, 93.8 peratus responden mempunyai kesedaran yang tinggi tentang keperluan perubahan sosial melalui pengamalan norma baharu di musim pandemik COVID-19 sehingga menimbulkan sikap berani menegur ahli keluarga untuk memakai pelitup muka; sementara 90.1 peratus responden berani menegur ahli keluarga untuk menjaga jarak fizikal; dan 90.8 peratus responden berani menegur ahli keluarga untuk mencuci tangan dengan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman. (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Berdasarkan laporan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa majoriti rakyat Malaysia menerima perubahan sosial dengan positif walaupun masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak patuh dan mempersoalkan norma baharu yang diperundangkan.

Mengamati realiti tersebut, penetapan sesuatu polisi dan dasar awam kerajaan berpandukan prinsip *al-Siyasah al-Syar'iyyah* sebagai kerangka utama merupakan asas dan mekanisme dalam merealisasikan matlamat syariat Islam. Mustafa al-Zarqa (1988) merumuskan empat neraca penting

yang mempengaruhi keberkesanan penguatkuasaan dan pelaksanaan polisi kerajaan menurut perspektif *al-Siyasah al-Syar'iyyah*. Pertama, mewujudkan kemaslahatan (*jalb al-masalih*) menerusi pelaksanaan dasar-dasar yang diperlukan serta mendatangkan manfaat buat masyarakat seperti pengutipan hasil cukai yang berpatutan bertujuan meningkatkan kualiti dan taraf hidup masyarakat. Kedua, menghilangkan kerosakan (*dar' al-mafasid*) menerusi penggubalan dasar dan peraturan bertujuan mengawal dan membendung sebarang perlakuan yang boleh mendatangkan kemudaratan dan kekacauan, baik terhadap individu maupun masyarakat, baik yang menyentuh soal fizikal (*maddiyah*) maupun spiritual (*adabiyyah*). Ketiga, penguatkuasaan langkah pencegahan (*sadd al-dhari'ah*) menerusi tindakan menutup ruang-ruang yang berpotensi dieksplorasi bagi mencetuskan suasana yang tidak harmoni dalam masyarakat. Dan terakhir, penelitian terhadap perubahan masa, realiti dan suasana yang berlaku (*taghyir al-zaman*) bagi memastikan segala implementasi dan pelaksanaan polisi yang dijalankan sesuai dengan tahap dan keadaan semasa masyarakat.

Dari aspek implikasi, perubahan sosial yang berlaku dalam krisis COVID-19 ini mewujudkan suasana kehidupan yang positif dan negatif. Antara aspek positifnya, masyarakat mula mengamalkan corak kehidupan yang lebih sihat. Di India misalnya, terdapat perubahan ketara dalam kehidupan sosial masyarakat ini khususnya semasa *lockdown* yang menjadi satu-satunya medium untuk mencegah penularan wabak COVID-19 selagaimana tiada rawatan khusus virus ini (Nur Rohim Yunus & Annissa Rezki, 2020). Aktiviti harian seperti waktu tidur dan habit pemakanan mencatatkan perkembangan yang lebih positif. Keadaan ini kerana, masyarakat tersebut mengamalkan pengambilan makanan yang lebih sihat serta makanan tambahan seperti vitamin untuk meningkatkan imunasi badan. Dari segi aktiviti di luar rumah pula, masyarakat di India didapati mengurangkan kadar keluar rumah. Malah, 49% daripada mereka memilih untuk membeli barang dapur secara atas talian (Subhro B. et al., 2020).

Perubahan sosial ini juga mendorong kepada perkembangan drastik media digital di Malaysia. Berdasarkan statistik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi tahun 2020, seramai 88.7% atau 28.4 juta daripada penduduk Malaysia merupakan pengguna internet, dengan telefon pintar menjadi peranti yang paling banyak digunakan, iaitu 98.7%. Daripada jumlah

tersebut, seramai 76.9% atau sekitar 24.5 juta orang pula terdiri daripada individu berusia 15-40 tahun. Majoriti daripada mereka mencatatkan purata kegunaan internet harian antara 5 hingga 8 jam, dengan 93.3% menggunakan internet bagi tujuan melayari media sosial seperti *Facebook* (91.7%), *Instagram* (63.1%), *Whatsapp* (98.7%) dan *Youtube* (80.6%). Perkembangan teknologi ini perlu dimanfaatkan sebagai nilai tambah instrumen dakwah, bagi merealisasikan matlamat *al-'amr bi al-ma'ruf wa al-nahi 'an al-munkar*. *Facebook Page*, *Youtube Channel*, *Tik Tok Channel* dan sebagainya perlu digunakan secara optimum bagi menyampaikan mesej dakwah. Secara tidak langsung, ia mampu mengimbangi lambakan perkongsian yang tidak bermanfaat dan bermoral yang menjadi ikutan generasi muda masa kini. Penganjuran seminar dan kuliah secara langsung pula boleh dianjurkan dalam skala yang besar dan pantas menerusi kemudahan *Zoom* dan *Webex*. Di samping itu, penghasilan aplikasi pintar seperti *Kit Tazkirah*, *Manual Faraid* dan sebagainya di platform seperti *Google Playstore* atau *App Store* boleh dijadikan medan baharu dakwah. Para pendakwah juga boleh memanfaatkan kemudahan yang ada menerusi penghasilan video dan ilustrasi kreatif dan interaktif, sesuai dengan perkembangan semasa.

#### **4.2 Kesan Terhadap Ekonomi**

Penguatkuasaan PKP menerusi penutupan sektor ekonomi juga menyaksikan peningkatan kadar pengangguran di Malaysia semakin membimbangkan. Meskipun begitu, situasi ini juga menyaksikan lebih ramai peniaga dan pengusaha kecil mula melibatkan diri dengan perniagaan secara atas talian. Kewujudan aplikasi perniagaan digital seperti *Shoppee* dan *Lazada* telah membuka ruang dan peluang yang besar buat mereka menceburι bidang perniagaan, bagi menjamin kelestarian sumber kewangan keluarga. Selain itu, kawalan pergerakan yang diperkenalkan juga turut meningkatkan keperluan perkhidmatan penghantaran makanan atau penghantaran barang. Platform *Food Panda*, *Grab Food*, *PosLaju*, *J&T* dan sebagainya menerima lonjakan permintaan seiring dengan perkembangan perniagaan secara atas talian. Peluang pekerjaan yang terbuka ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada kelangsungan rezeki bagi individu yang menganggur dan kehilangan pekerjaan akibat COVID-19.

#### **4.3 Kesan Terhadap Kesihatan**

Dari aspek perubatan pula, usaha-usaha untuk mengekalkan kesihatan yang baik cuba dilakukan dengan mengikuti nasihat perubatan secara di atas talian. Masyarakat juga tidak lagi keluar bercuti akibat dari kebimbangan jangkitan virus ini. Di samping itu, antara perubahan yang turut berlaku ialah aspek pembelajaran di mana tidak dijalankan secara fizikal dan terbatas atas talian (Kumar V. & Modalavalasa R., 2020).

Sebaliknya, terdapat juga kesan negatif perubahan sosial akibat wabak COVID-19 ini. Misalnya, konflik sosial dalam masyarakat dan antara masyarakat dengan kerajaan (Putu Agung, 2020). Hal ini disebabkan ramai pihak yang kehilangan sumber pendapatan. Sekalipun terdapat pihak tertentu yang tidak tergugat pekerjaan mereka, namun suasana kerja adalah berbeza kerana terpaksa bekerja dari rumah (Kumar V. & Modalavalasa R., 2020) di mana ianya menjadi norma baharu dalam urusan pekerjaan (Oswar M., 2020). Perubahan ini kadang-kala membentuk suasana kerja tanpa limit atau dalam bahasa mudahnya bekerja di luar waktu.

Selain itu, pengalaman terhadap norma baharu seperti penjarakan fizikal, pengasingan dan kuarantin membentuk interaksi sosial yang berbeza dalam kalangan masyarakat sewaktu wabak. Seperti yang telah dinyatakan, pekerjaan dan pembelajaran dijalankan atas talian. Norma ini berisiko membentuk masyarakat maya (*cybercommunity*) (Jeratallah A. & Yogi M., 2020) yang juga diistilahkan sebagai *ohitorisama* (Noor Dzuhaidah O., 2021) rentetan semua urusan kehidupan beralih daripada fizikal kepada maya melalui aplikasi yang pelbagai seperti *Zoom*, *WhatsApp*, *Facebook* dan seumpamanya. Rumusan tersebut lebih kukuh jika dilihat terhadap perubahan yang berlaku dalam lanskap politik sesebuah negara. Misalnya, lahirnya cadangan agar diadakan pilihanraya Umum Indonesia secara atas talian (*e-Voting*) bagi memastikan sistem demokrasi semasa COVID-19 terus subur (I'ib Sutera A. & Fifiana W., 2020).

Meneliti perubahan sosial yang berlaku akibat wabak COVID-19, satu perkara yang boleh dirumuskan ialah di samping ketakutan masyarakat kepada undang-undang yang dikuatkuasakan semasa wabak, perubahan sosial tersebut turut didorong oleh perasaan takut daripada terkena jangkitan wabak. Menurut Ivan M., (2020), pandemik COVID-19 yang melanda telah mencetuskan psikologi

pandemik (*pandemic psychology*) yang memberi kesan kepada emosi (takut dan cemas), perilaku sosial (stigma negatif dan menghindari), berprasangka dan dikriminasi. Oleh itu, sekalipun terdapat kesan negatif akibat perubahan sosial semasa penularan wabak, masyarakat terpaksa patuh segala peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi menyelamatkan nyawanya *hifz al-nafs* berbanding *maqasid al-shari'ah* yang lain seperti agama melalui aktiviti agama, *hifz al-'aql* melalui pendidikan, *hifz al-nasb* melalui hubungan kekeluargaan dan *hifz al-'aql* melalui pekerjaan dan sumber pendapatan.

Mengamati fenomena perubahan sosial dengan lebih mendalam, asasnya ialah memastikan wujudnya kemaslahatan dalam kehidupan. Hal ini bermaksud, perubahan sosial melalui pengamalan norma baharu perlu selari dengan *maqasid al-shari'ah* bagi memastikan kemaslahatan hakiki. Kemaslahatan hakiki tidak dapat dicapai tanpa meraikan *maqasid al-shari'ah* yang termaktub dalam syariat Islam (al-Ghazali A. H., 2010) terdiri daripada *al-kulliyat al-khamsah* dan *maqasid al-shari'ah al-'ammah*. Justeru, hakikat bahawa Malaysia turut mengalami perubahan sosial akibat COVID-19 tidak dapat dinafikan. Namun begitu, hal yang lebih penting dalam mengamati perubahan sosial di negara ini ialah soal kemaslahatan masyarakat umum yang perlu meraikan *maqasid al-shari'ah* yang tetap sifatnya. Lantaran itu, penelitian terhadap fenomena perubahan sosial semasa COVID-19 di Malaysia perlu diperincikan perbincangannya khususnya dari aspek *uruf* dan maslahah bagi memelihara *maqasid al-shari'ah*.

## 5.0 KESIMPULAN

Dalam konteks Malaysia, istilah norma baharu yang diperkenalkan sebagai corak kehidupan memenuhi kriteria teori perubahan sosial. Perubahan sosial ini adalah dibentuk melalui pengamalan pembudayaan norma baharu yang diterapkan melalui penguatkuasaan undang-undang dalam usaha mencegah penularan wabak COVID-19. Boleh dikatakan semua sektor terkesan langsung hasil norma baharu yang diperkenalkan. Walaupun pada sebahagian keadaan perubahan sosial ini seolah mendatang kemudarat, *harj* mahupun kesulitan kepada masyarakat, namun ianya perlu dipatuhi. Hal ini kerana, ia boleh dianggap sebagai *uruf* baharu semasa wabak di negara ini. Bermaksud, segala amalan yang dipraktikkan dalam bentuk SOP tersebut perlu dipraktikkan sebaiknya bagi menjamin kemaslahatan kepada kehidupan masyarakat.

Sesuailah dengan teori *uruf* yang terbentuk apabila sesuatu amalan itu dipraktikkan secara berterusan oleh masyarakat kerana terdapatnya sesuatu maslahah. Maka dengan sebab itu, perubahan sosial yang terbentuk akibat penularan COVID-19 ini boleh dianggap sebahagian daripada *uruf* baru yang menjamin kemaslahatan dalam kehidupan masyarakat semasa tempoh wabak.

## PENGHARGAAN

Penulis-penulis mengucapkan terima kasih kepada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Malaysia, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Malaysia, Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa, Kolej Universiti Islam, Melaka, Malaysia atas sokongan dalam penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

- 'Audah J. (2010). *Maqasid al-Shari'ah Dalil lilmubta'in*. Doha: Al-Ma'had al-'Alami li Fikr al-Islami.
- 'Azzam A. A. (2005). *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Abu Zahrah M. (t.t). *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqaid wa Tarikh al-Madhahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Ahmad Fahmi A. (1947). *al-'Urf wa al-'Adah fi Raky al-Fuqaha'*. Cairo: al-Azhar.
- Akujobi, C.T and Jack, Jackson T.C.B. (2017). Social Change and Social Problems. In Abasiekong, E.M, Sibiri, E.A & Ekpenyong, N.S (eds.), *Major Themes in Sociology: An Introductory* (pp. 491-526). Benin City: Mase Perfect Prints.
- Al-Amidi. (2003). *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, ed. 'Afifi A. R. Riyad: Dar al-Sami'i.
- Al-Bardisi, Muhammad Zakariya. (t.t). *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Thaqafah.
- Al-Bayan. (2020, April 8). Al-Bayan Siri 5: Takut Allah atau Takut COVID-19? Retrieved from <https://zulkiflialbakri.com/al-bayan-siri-4-takut-allah-atau-takut-covid-19/>
- Al-Bugha, M. D. (t.t). *Athar al-Adillah al-Mukhtalaf fiha fi al-Fiqh al-Islami*. Dimashq: Dar al-Imam al-Bukhari.
- Al-Burhani, Muhammad Hisyam. (t.t). *Sadd al-Dhara'i' fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Matba'ah al-Rayhani.

- Al-Buti, M. S. (1973). *Dawabit al-Maslahah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Dimashq: Muassasah al-Risalah.
- Al-Ghazali A. H. (2010). *Al-Mustafa min 'Ilm al-Usul*, ed. al-Shaykh T. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Al-Qaradawi Y. (2008). *Dirasah fi Fiqh Maqasid al-Shari'ah Bayn al-Maqasid al-Kulliyat wa al-Nusus al-Juz'iyyat*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Qarrafi. (2003). *al-Furuq Anwar al-Buruq fi Anwa' al-Furuq*, ed. al-Qiyyam U. H. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Shatibi. (1997). *al-Muwafaqat*, ed. Abu 'Ubaiydhah M. Saudi: Dar Ibn 'Affan.
- Al-Suyuti, J. A. (1983). *al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Shafi'iyyah*. Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Amir A. A. (1997). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Andrian H. (2020). Normal Baru Pasca COVID-19. *'Adalah Buletin Hukum & Keadilan*, Vol. 4 (1).
- Arina H. (2018). Rekonstruksi Maqasid Al-Syari'ah Jasser Auda. *JPIK* Vol.1 No. 1, 135-152.
- Astro Awani. (2020, October 28). COVID-19: Kurang Disiplin Kendiri, Kesedaran punca Peningkatan Kluster Tempat Kerja – MTUC. *Astro Awani*. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-kurang-disiplin-kendiri-kesedaran-punca-peningkatan-kluster-tempat-kerja-mtuc-265661>.
- Astro Awani. (2020, October 28). Rakyat Malaysia Hulur Sumbangan Tanda Solidariti untuk Sabah. *Astro Awani*. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rakyat-malaysia-hulur-sumbangan-tanda-solidariti-untuk-sabah-265588>
- Berita Harian. (2020, Mei 1). Negara Rugi RM2.4 Bilion Sehari Sepanjang PKP. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/683813/negara-rugi-rm24-bilion-sehari-sepanjang-pkp>.
- Berita Harian. (2020, November 4). COVID-19: Kadar Tak Patuh SOP Masih Tinggi. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/749974/COVID-19-kadar-tak-patuh-sop-masih-tinggi>.
- Berita Harian. (2020, October 6). Kerajaan Akui PRN Punca Kes COVID-19 Meningkat. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/739149/kerajaan-akui-prn-punca-kes-COVID-19-meningkat>.

- Berita Harian. (2020, October 9). Ambil Iktibar Peningkatan Kes COVID-19 Pasca PRN Sabah. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/10/740020/ambil-iktibar-peningkatan-kes-COVID-19-pasca-prn-sabah>.
- Berita Harian. (2021, January 24). Tiada Capaian Internet, Gajet Seperti Belajar di Sekolah Daif. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/779410/tiada-capaian-internet-gajet-seperti-belajar-di-sekolah-daif>.
- Diana L. (2005). *Theories of Social Change*. Retrieved from <http://efc.issuelab.org/resources/14013/14013.pdf>.
- e-Warta. (2021, February 11). Norma Baharu dalam Pendidikan, Cabaran Buat Pendidik MARA. Retrieved from <https://ewarta.mara.gov.my/2020/11/12/norma-baharu-dalam-pendidikan-cabaran-buat-pendidik-mara/>.
- Haleem A. (2020). Effects Of COVID-19 Pandemic in Daily Life. *Current Medicine Research and Practice*, <https://doi.org/10.1016/j.cmrp.2020.03.011>.
- Hashim Kamali. (2012). *Maqasid al-Shari'ah, Ijtihad and Civilisational Renewal*. Kuala Lumpur: IAIS.
- <http://www.myhealth.gov.my/wp-content/uploads/Pembudayaan-Norma-Baharu-dalam-Komuniti-03082020.pdf>
- Huberty E. S. (2021, February 10). What Is Social Change. Retrieved from <https://www.humanrightscareers.com/issues/what-is-social-change/>.
- I'ib Sutera A. & Fifiana W. (2020). Dampak Pandemi Covid-19: Modernisasi Dan Digitalisasi Komisi Pemilihan Umum Republik Indonesia (Kpu-Ri). *Jurnal Ilmiah Galuh Justisi Fakultas Hukum Universitas Galuh*, 8(2).
- Ibn 'Abidin. (t.t). *Majmu'ah Rasail Ibn 'Abidin*. t.tp: t.p.
- Ibn 'Ashur. (2001). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*, ed. al-Misawi M. T. al-Urdun: Dar al-Nufais.
- Ibn al-Qayyim. (1996). *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar'iyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Khaldun. (2014). *Al-Muqaddimah*. Kaherah: Maktabah Nahdah Misr
- Ivan M. (2020). Memahami Pandemi COVID-19 dalam Perspektif Psikologi Sosial. *Psikobuletin: Buletin Ilmiah Psikologi* Vol. 1 (2), 68 – 84. Doi: 10.24014/pib.v1i2.9616.

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Kajian Kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan kepada Penduduk Malaysia* (DOSM/BPPD/1.2020/Siri 17). Retrieved from [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6\\_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM\\_BPPD\\_1-2020\\_Siri-17.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPPD_1-2020_Siri-17.pdf)
- Jera Jeratallah A. & Yogi M. (2020). COVID-19 Dan Perubahan Komunikasi Sosial. *PERSEPSI: Communication Journal Vol 3* (1), 94-102. Doi: 10.30596/persepsi.v%vi%.4510.
- Jeremy G. & Nezih G. (2008). *Social Change*. Retrieved from <http://ftp.iza.org/dp3485.pdf>.
- Juliana Lumintang. (2015). Pengaruh Perubahan Sosial Terhadap Kemajuan Pembangunan Masyarakat Di Desa Tara-Tara I. *e-Jurnal Acta Diurna*, Vol. IV (2).
- Karina W. & Bonnie L. B. (2009). *Introduction to Social Change and Human Development*, 1 (55), 2. Retrieved from [https://issbd.org/resources/files/May2009\\_Bulletin\\_Online.pdf](https://issbd.org/resources/files/May2009_Bulletin_Online.pdf).
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020, January 27). Situasi Semasa Pandemik COVID-19 Di Malaysia. Retrieved from <http://COVID-19.moh.gov.my/>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021, February 11). Norma Baharu Petugas Kesihatan. Retrieved from <http://www.myhealth.gov.my/jangkitan-penyakit-coronavirus-COVID-19/norma-baharu-petugas-kesihatan/>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021, February 11). Norma Baharu Petugas Kesihatan. Retrieved from <http://COVID-19.moh.gov.my/semasa-kkm/122020/tinjauan-amalan-norma-baharu-kkm>.
- Kumar V. & Modalavalasa R. (2021, February 10). 5 Lasting Changes From The COVID-19 Pandemic. Retrieved from <https://abcnews.go.com/Health/lasting-COVID-19-pandemic/story?id=72393992>.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. (2020). Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Perubahan Tingkah Laku Dan Gaya Hidup, Bekerja Dari Rumah (BDR) Serta Perancangan Keluarga. Retrieved from <https://www.lppkn.gov.my/index.php/factsheet-infografik-2018/1245-infografik-kajian-tinjauan-kesan-pandemik-covid-19-wpd-2020/file>.
- Liberty J. (2020, April 22). Orang Kaya Lebih Mudah Peroleh Tes Covid-19 di Indonesia. *Suara.Com*. <https://www.suara.com/tekno/2020/04/22/162519/orang-kaya-lebih-mudah-peroleh-tes-covid-19-di-indonesia?page=all>.
- Lumen. (2021, February 10). Social Change. Retrieved from <https://courses.lumenlearning.com/sociology/chapter/social-change/>.
- Majlis Keselamatan Negara. (2020, Disember 2). Pembudayaan Norma Baharu. *Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara*. Retrieved from <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2020/12/02/norma-baharu/>.

- Mohamad Kamil & Rahimin Affandi. (2009). Perubahan Sosial dan Impaknya Terhadap Pembentukan
- Modal Insan Menurut Ibn Khaldun. *Jurnal Hadhari*, 1, 45-76.
- Mohd Anuar R. (2006). Instrumen ‘Urf dan Adat Melayu sebagai Asas Penetapan Hukum Semasa di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu* 17.
- Mualimin M.S. (2020, October 15). Prinsip Keluarga Islam Mendepani Norma Baharu Semasa Pandemik COVID-19. 3<sup>rd</sup> International Seminar on Islam and Science 2020 (SAIS 2020), COVID-19: Implication, Impact and Solution. Persatuan Kakitangan Akademik USIM, Negeri Sembilan, Malaysia.
- Muhammad Safwan H. (2020). Keperluan Organisasi Islam Terhadap Kriteria Pengurusan Berkualiti Dalam Menjamin Maqasid al-Shari‘ah. In Baharom Kassim et al. (Eds.), *Pemerkasaan Institusi Islam di Malaysia: Melakar Kecemerlangan Masa Hadapan* (pp. 47-80). Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia.
- Mustafa Ahmad al-Zarqa. (1988). *Istislah wa al-Masalih al-Mursalah fi al-Syari‘ah al-Islamiyyah wa Usul Fiqhiha*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Nanang Martonon. (t.t). *Sosiologi Perubahan Sosial: Perspektif Klasik, Modern, Posmodern dan Poskolonial*. Jakarta, Indonesia: RajaGrafindo Persada.
- Noor Dzuhaidah O. (2021, April 1). Penjarakan Sosial: Mungkinkah Menjurus Malaysia Kepada Konsep ‘Ohitorisama’. *BERNAMA*. Retrieved from <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1918129>.
- Nur Rohim Yunus & Annissa Rezki. (2020). Kebijakan Pemberlakuan Lockdown Sebagai Antisipasi Penyebaran Corona Virus COVID-19. *Jurnal Sosial & Budaya Syar-i*, Vol. 7(3), 227-238. Doi: 10.15408/sjsbs.v7i3.15083.
- Nurul Naimah R. (2020). COVID-19 Pandemic: Towards the “New Normal” among Malaysian Public Universities. *International Journal of Advanced Science and Technology* Vol. 29 (4), pp. 2750 – 2758.
- Orang Kaya Lebih Mudah Peroleh Tes Covid-19 di Indonesia
- Oswar M. (2020). Bekerja dari Rumah (Working From Home/WFH): Menuju Tatanan Baru Era Pandemi COVID 19. *The Indonesian Journal of Development Planning. Volume IV* (2).
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2020, 13 Mac). Al-Kafi #1657: Hukum Solat Jumaat Dalam Suasana COVID-19. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4318-al-kafi-1657-hukum-solat-jumaat-dalam-suasana-covid-19>.

- Putu Agung. (2020). COVID-19 dan Potensi Konflik Sosial. *Jurnal Ilmiah Hubungan Internasional*, 16 (2). No. 2 (2020).
- Salih A. H., (t.t). *Raf' al-Harj fi al-Shari'ah al-Islamiyyah: Dawabituhu wa Tatbiquhu*. Makkah al-Mukarramah: Markaz al-Bahth al-'Ilm wa Ihya' al-Turath al-Islami.
- Shahrizan Jamaludin. (2020). COVID-19 Exit Strategy: Transitioning Towards A New Normal. *Annals of Medicine and Surgery* 59, 165-170.
- Sinar Harian*. (2020, December 29). Kes Perceraian di Malaysia Rekodkan Peningkatan Luar Biasa.
- Sinar Harian*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/116749/BERITA/Nasional/Kes-perceraian-di-Malaysia-rekodkan-peningkatan-luar-biasa>.
- Sinar Harian*. (2021, January 10). Rentas negeri punca kes Covid-19 di Terengganu meningkat. *Sinar Harian*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/118447/KHAS/COVID-19/Rentas-negeri-punca-kes-COVID-19-di-Terengganu-meningkat>.
- Siti Normala & Siti Suriani. (2020, November 16). *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/11/754670/kita-jaga-kita-manifestasi-solidariti-rakyat-malaysia>.
- Subhro B. (2020). Impact of Lockdown Due to COVID-19 Outbreak: Lifestyle Changes and Public Health Concerns In India. *International Journal of Indian Psychology*, 8(2), 1385-1411. DIP:18.01.159/20200802, doi:10.25215/0802.159.
- Tan L. I. (2020, February 10). Covid-19: Extensive Lifestyle Changes are on the Cards. Retrieved from <https://penanginstitute.org/publications/COVID-19-crisis-assessments/COVID-19-extensive-lifestyle-changes-are-on-the-cards/>.
- United Nations. (2020). *Impacts of the COVID-19 Pandemic on Trade Development*. Geneva: United Nations Publications.
- University of IOWA Hospitals & Clinics. (2020). *Navigating COVID-19: The Three Cs and Three Ws*. Available from <https://uihc.org/health-topics/navigating-covid-19-three-cs-and-three-ws>.
- World Health Organization. (2020). The New Normal. Retrieved from <https://www.who.int/malaysia/emergencies/COVID-19-in-malaysia/information/the-new-normal>.
- Zayn al-Din Ibn Nujaym. (t.t.). *Al-Bahr al-Ra'iq Syarh Kanz al-Daqa'iq*. Kaferah: Dar al-Kitab al-Islami.